

Golongan ekstrem mudah dipengaruhi ajaran salah



Masyarakat perlu dididik kefahaman Islam sebenar elak terpedaya

Negara ada kalanya dikeluhkan dengan berita mengenai pelbagai kumpulan ajaran sesat dan kemunculan individu 'tak berapa betul', tetapi masih menghairankan kenapa begitu mudah orang ramai terpengaruh hingga menjadi pengikut mereka. Contohnya 'Tuhan Harun' (Harun Mat Saat, 47) dan 'Sultan Melaka' (Noor Jahan Shah 56), dua kes terbaru yang memperlihatkan betapa mudahnya mereka menjadi sanjungan hingga mempunyai pengikut.

Kenapa orang Melayu begitu mudah terpengaruh, apakah punca sebenarnya keadaan itu boleh wujud berdasarkan aspek psikologi?

Kepercayaan tahyul
Presiden Lembaga Kaunselor Profesional Malaysia, Profesor Dr Mohamed Fadzil Che Din, berkata masyarakat Melayu memang percaya pada tahyul sejak sekian lama dalam pemikiran tidak rasional mereka.

Ia berlaku kerana wujudnya kesan daripada tiga proses pertama, amalan yang dilakukan sejak awal kehidupan seperti satu latihan teka-teki 'tubi', contohnya pantang larang yang diamalkan sejak turun-temurun lagi sama seperti proses pembelajaran langsung.

Kedua, seseorang individu itu cuba berusaha menolak pemikiran baru dan ini secara tidak langsung menyebabkan wujud pemikiran tidak rasional.

Ketiga, proses pemikiran kita yang tidak rasional itu wujud disebabkan berlakunya pembelajaran tidak langsung seperti membeli nombor ekor disebabkan nombor tertentu yang ditemui pada hari itu kononnya memberi tuah.

Bila ketiga-tiga proses ini terbentuk menyebabkan wujud pemikiran tidak rasional walaupun bukan secara saintifiknya.

Fadzil yang juga Timbalan Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional (UNP) berkata, dalam di-

ri manusia itu sentiasa mencari identiti diri dan mahu menyeralahkan kendiri mereka serta memerlukan satu bentuk atau model tertentu yang menjadi kegemaran dan iktan.

Contohnya, bagi yang cenderung dalam dunia hiburan akan menjadikan artis sebagai ikon dan meniru gaya hidup mereka.

"Peminat seni lagu rock berbentuk keagamaan seperti Ramlil Sarip, menjadikannya satu idola sementara yang ekstrem seperti rock black metal".

"Bagi yang sederhana memilih rock perlahan dan tidak kurang peminat rock kapak, tetapi peminat hiburan biasa memilih irama lembut seperti keroncong dan balada", katanya.

Begitu juga dari sudut keagamaan, ada yang pasif dan hanya menjadi pengikut, ada yang sederhana atau biasa mempertahankan kesucian agama seperti menentang penggunaan kalimah Allah oleh agama Kristian.

Bagaimanapun, golongan ekstrem akan bertindak agresif dan mencari cabaran baru lantas terjebak dengan ajaran sesat seperti

'Tuhan Harun'.

Pemikiran teruk

Dari segi kedaulatan dan kenegaraan, katanya wujud pengikut biasa yang menerima dan akur dengan pemimpin sedia ada, tetapi ada golongan yang mempunyai pemikiran yang teruk dan percaya kepada tokoh tertentu seperti dakwaan seorang lelaki bahawa dia adalah 'Sultan Melaka' baru-baru ini.

Persoalannya kenapa mudah percaya, katanya, mengikut teori perkaitan sosial, wujud individu yang mudah terlekat kepada golongan sosial mereka yang diper-caya.

Contohnya, anak mewarisi agama ibu bapa, ada juga mengikut agama pasangan melalui perkahwinan, menerusi teman rapat dan mengikut kerana diugut.

"Pengaruh orang atas (top dog) ke atas orang bawahan (under dog) memang berkesan dalam menukar pemikiran mereka", katanya.

Wujud juga kecelaruan pemikiran yang mana dalam mencari kebenaran terperangkap de-

"Ajaran lain yang mengganggu sisten sosial, menjadikan mental tidak stabil dan mewujudkan ketegangan serta keresahan perlu dihapuskan"

Mohamed Fadzil Che Din
Presiden Lembaga Kaunselor Profesional Malaysia

ngan ajaran sesat ini.

Golongan yang biasa akan berusaha mempertahankan ajaran agama sebenar, tetapi yang kel menyebabkan wujudnya juru perbezaan yang akhirnya lebih cenderung kepada ajaran yang dikatakan sesuai untuk mereka.

Mereka yang percaya kepada 'Tuhan Harun' ini sebenarnya berasaskan jiwa dan perasaan kosong.

INFO

3 proses pemikiran tak rasional

- Amalan yang diamalkan sejak awal kehidupan seperti satu latihan teka-teki 'tubi', contohnya pantang larang yang diamalkan sejak turun-temurun lagi sama seperti proses pembelajaran langsung.
- Seseorang individu itu cuba berusaha menolak pemikiran baru dan ini secara tidak langsung menyebabkan wujud pemikiran tidak rasional.
- Pembelajaran tidak langsung seperti membeli nombor ekor disebabkan nombor tertentu yang ditemui pada hari itu kononnya memberi tuah.



Antara barang dirampas dalam kes ajaran sesat di Kampung Chabau, Simpang Bekoh di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Jasin.

